

# UniMAP raih 55 pingat emas ITEX

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengungguli Pameran Rekaicia, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2014 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) 2014 di sini, selepas berjaya meraih 55 pingat emas dari 70 yang dipertandingkan malam kelmarin.

UniMAP juga mencipta sejarah tersendiri apabila mencatatkan kemenangan bergaya dengan pencapaian 100 peratus pungutan pingat menerusi semua 70 produk yang dipertandingkan apabila turut meraih 14 pingat perak dan satu pingat gangsa.

## Terima 4 anugerah khas

Tidak cukup dengan itu kejayaan UniMAP diteruskan lagi pada Malam Budaya Cipta ITEX 2014 apabila delegasi UniMAP diumumkan sebagai penerima empat anugerah khas dari dalam dan luar negara termasuk anugerah Asian Invention Excellence Award 2014 yang juga anugerah tertinggi keseluruhan ITEX 2014.

Anugerah menjadi milik Dr Shahriman Abu Bakar melalui produk *An Innovative Cost Effective Hemodynamic Assessment Tool With Real Time Situational Awareness and Critical Lifesaving Intelligence For Medical Specialists*.

Selain itu, UniMAP turut menerima anugerah JIPA dari Jepun, atas penyelidikan terbaik dalam bioteknologi untuk produk *A Software Prototype Based Emotional Impairments Detection In Neurological Disorders Patients Using Wireless Signals*, hasil penyelidikan Dr M Murugappan.

UniMAP turut meraih anugerah khas ketiga dari Prize of Association of Polish Inventors and Rationalizers, Poland, menerusi produk *Fire-Shield Paint: A New Technology Approach* oleh Dr Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah.

Anugerah khas terakhir UniMAP iaitu Anugerah TAITRA dari Taiwan dimenangi menerusi produk *Modified Double Weight (MDW)Code For Automotive Industry Based on FPGA Platform* yang dihasilkan Prof Dr Syed Alwee Aljunid Syed Junid.

Hasil kemenangan keseluruhan pada ITEX 2014 melayakkan UniMAP untuk turut menerima Anugerah Patron yang disampaikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Abu Bakar Mohamad Diah.

Ia menjadi koleksi kedua bagi UniMAP selepas muncul penerima anugerah Patron pada tahun 2011.

Naib Canselor UniMAP, Brig Jen Datuk Prof Dr Kamarudin



Kamarudin (tengah) bersama anugerah dimenangi UniMAP pada Majlis Malam Budaya Cipta sempena ITEX 2014 di Kuala Lumpur.

Hussin, berkata kejayaan yang diperolehi pada ITEX 2014 melangkaui sasaran yang ditetapkan iaitu 40 pingat emas.

"Saya amat teruja dengan kejayaan besar yang kita raih ini dan ia membuktikan bidang penyelidikan di UniMAP semakin berkembang dengan penghasilan produk baru yang berpotensi dikomersialkan."

"Oleh itu pada tahun ini, seharusnya dengan pelancaran tahun pengkomersialan yang dilancarkan

kan MOSTI, kita akan memberikan fokus terhadap aspek berkenaan agar hasil penyelidikan UniMAP mampu dikongsikan untuk manfaat bersama masyarakat," katanya.

Selain itu, dalam Pameran Peraka Cipta Muda Asia (AYIE) 2014 yang turut diadakan bersama ITEX, Penyelidik Muda UniMAP memperolehi kemenangan 100 peratus dari 14 produk yang dipertandingkan dengan kutipan 10 emas, tiga perak dan satu gangsa.

**"Saya amat teruja dengan kejayaan besar yang kita raih ini dan ia bukti bidang penyelidikan di UniMAP semakin berkembang"**

**Kamarudin Hussin,**  
Naib Canselor UniMAP